

## **KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SABAH**

### **Visi Kementerian**

Menjadikan Negeri Sabah sebagai  
sebuah Negeri maju bercirikan pembangunan fizikal terancang  
dan seimbang melalui fungsi-fungsi Kementerian ini.

### **Misi Kementerian**

- 1) Membina pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan yang cekap dan berkesan dengan memanfaatkan ICT untuk memberi perkhidmatan yang berkualiti dan mencapai daya sara diri.
- 2) Mempastikan pelaksanaan pembangunan bandar dan desa yang rasional dan sistematik berpandukan skim-skim pembangunan yang diluluskan.
- 3) Mempastikan bahawa setiap rakyat negeri ini akan mempunyai peluang untuk memiliki rumah termampu yang berkualiti melalui pengawalan industri perumahan secara cekap dan berkesan.
- 4) Membina pentadbiran hal-ehwal anak negeri yang sistematik dan berkesan.

### **Fungsi Utama Kementerian**

Fungsi Utama Kementerian:

Pentadbiran Kerajaan Tempatan

Perancangan Bandar Dan Desa

Pengawalan Pembangunan Perumahan

Pentadbiran Hal Ehwal Anak Negeri

Kementerian juga bertanggungjawab dalam pentadbiran undang-undang berikut:

Ordinan Hiburan Awam, 1958 (No.23)

Ordinan Kesihatan Awam, 1960 (No.7)

Enakmen Kawalan Sewa (Premis Perniagaan) 1960

**Objektif Kementerian**

- Objektif Kementerian berkaitan dengan :

**Pentadbiran Kerajaan Tempatan**

**Perancangan Bandar Dan Desa**

**Pengawalan Pembangunan Perumahan**

**Pentadbiran Hal Ehwal Anak Negeri**

**Pentadbiran Kerajaan Tempatan [ke atas]**

Membina sistem pentadbiran Kerajaan Tempatan yang Cepak, kompeten dan responsif melalui penggunaan optimum ICT ;

Membina sistem rangkaian sepenuhnya dan perkhidmatan on-line Pihak Berkuasa Tempatan seluruh Negeri menjelang tahun 2005 ;

Mengurangkan pergantungan kewangan PBT kepada kerajaan melalui pemeraksanaan PBT;

Mempastikan semua undang-undang kecil dan suratcara-suratcara lain senantiasa disemak untuk memenuhi keperluan semasa dan melaksanakannya dengan tegas ;

Mempastikan keperluan asas dan kemudahan awam yang mencukupi dapat disediakan untuk meningkatkan taraf hidup pembayar kadar/cukai ;

Menyerapkan prinsip-prinsip Local Agenda 21 dalam pentadbiran PBT ;

Menghapuskan setinggan menjelang tahun 2010 melalui skim-skim penempatan semula yang teratur dan program-program perumahan kos rendah.

**Perancangan Bandar Dan Desa [ke atas]**

Mempastikan pembangunan dan pertumbuhan bandar dan pekan-pekan baru secara tersusun melalui perancangan fizikal yang teratur;

Mempastikan pembangunan fizikal bandar dan luar bandar secara teratur melalui perancangan yang sistematik di semua peringkat;

Mempastikan pertumbuhan bandar yang seimbang melalui pembangunan pekan-pekan baru dan pusat-pusat pertumbuhan di kawasan-kawasan luar bandar yang berpotensi.

#### **Pengawalan Pembangunan Perumahan [ke atas]**

Meregulasi industri perumahan di Sabah dengan menguatkuasakan undang-undang dan peraturan-peraturan berkenaan untuk menjaga kepentingan semua pihak yang berkaitan.

Mempastikan dasar-dasar kerajaan berkaitan dengan pemilikan rumah bagi bumiputra adalah dipatuhi.

Mempastikan Projek-projek perumahan yang terbengkalai dipulih dan disiapkan.

Menyemak dan menguatkuasakan semua undang-undang dan peraturan berkaitan dengan industri perumahan secara berterusan.

#### **Pentadbiran Hal Ehwal Anak Negeri [ke atas]**

Mewujudkan institusi pentadbiran Hal Ehwal Anak Negeri yang berkredibiliti dan dihormati.

### **Sejarah / Latar Belakang**

“Kerajaan Tempatan” merupakan satu pembahagian geografi dalam sebuah negara yang berdaulat atau separa daulat, yang mana melaksanakan kuasa pemerintah dalam sebuah kawasan yang tertentu dan ianya berada dibawah kuasa Kerajaan Negeri masing-masing.

Kerajaan Tempatan mempunyai kedudukan yang sah dari segi undang-undang, yang mana ianya kerajaan yang boleh didakwa dan mendakwa dan boleh melibatkan diri dalam sebarang perjanjian atau kontrak.

Kerajaan Tempatan merupakan “Kerajaan Peringkat Ketiga” dalam struktur Persekutuan di Malaysia.

Kerajaan Tempatan di Sabah ditubuhkan di bawah Ordinan Kerajaan Tempatan, 1961 (No. 11) berkuatkuasa pada 1hb. Januari 1962 di bawah GN No. 134 bertarikh 15 November 1961.

Selepas pilihanraya Majlis Undangan Negeri 1963, pentadbiran Kerajaan Tempatan diwujudkan berasingan daripada urusetia dengan pengwujudan Kementerian Kerajaan Tempatan.

Pada tahun 1967, Kementerian ini dinamakan sebagai Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.

#### **ORDINAN KERAJAAN TEMPATAN 1961 :**

OKT 1961 terbahagi kpd 15 bahagian yang memberi kuasa, tanggungjawab dan fungsi kepada Pihak Berkuasa Tempatan Sabah.

Perkembangan Kerajaan Tempatan di Negeri Sabah :

1931 : 'Sanitary Boards' (SB) diperkenalkan di Jesselton, Sandakan, Tawau dan Labuan iaitu sebahagian daripada pejabat-pejabat daerah.

1954 : SB diasingkan daripada pejabat Majlis Daerah bagi penubuhan Majlis Daerah Luar Bandar (MDLB) / Lembaga Bandaran (LB) dibawah 'Municipalities and Urban Authorities Ordinance 1954.

1961 : Kedudukan MDLB dan LB diperbaiki dibawah Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 (OKT).

**(ii) MAKLUMAT DASAR****5. DASAR****5.1 Dasar Utama – (Di Peringkat Kementerian)****5.2 Dasar Sokongan – Peringkat Jabatan****5.1.1. Dasar Pembangunan**

Untuk menyediakan dan menyelenggara kemudahan-kemudahan awam yang mencukupi dalam kawasan bidang kuasa Majlis Daerah.

**5.1.2. Dasar perkhidmatan**

Untuk memberikan perkhidmatan yang mampan kepada pelanggan.

**6. STRATEGI PELAKSANAAN DASAR****6.1 Program Pembangunan**

- a) Membangun kemudahan-kemudahan awam baru di lokasi yang sesuai ;
- b) Memperluas dan meningkatkan kemudahan-kemudahan awam yang sedia ada; dan
- c) Meyelenggara dan memperbaiki kemudahan-kemudahan awam yang sedia ada secara berterusan.

**6.2 Program Perkhidmatan**

- a) Menyediakan peralatan atau kelengkapan yang mencukupi dan moden;
- b) Menggunakan teknologi maklumat untuk mempercepat dan mempermudahkan proses kerja; dan
- c) Mempertingkatkan kemahiran tenaga kerja untuk memberi perkhidmatan yang baik , cekap dan cepat.

## 7. PROGRAM DAN PROJEK KEMENTERIAN / JABATAN BAGI MEREALISASIKAN STRATEGI

### 7.1 Program Pembangunan

#### 7.1.1 Projek Pembangunan Baru

Objektif: Untuk menyediakan kemudahan-kemudahan awam bagi mengimbangi keperluan masyarakat yang semakin meningkat.

- a) Pembinaan baru bangunan pasar dan gerai;
- b) Pembinaan dewan-dewan dalam kawasan pekan dan luar bandar;
- c) Pembinaan taman-taman awam;
- d) Pembinaan tandas-tandas awam; dan
- e) Pembinaan kemudahan-kemudahan infrastruktur.

#### 7.1.2 Projek Pembesaran

Objektif: Untuk menambah baik dan meningkatkan kapasiti kemudahn-kemudahan awam yang sedia ada.

- a) Menaik taraf bangunan-bangunan pasar dan gerai;
- b) Menaik taraf bangunan-bangunan dewan;
- c) Menaik taraf taman-taman awam;
- d) Menaik taraf bangunan tandas-tandas awam; dan
- e) Menaik taraf bangunan-bangunan milik Majlis Daerah.

### 7.1.3 Projek Penyelenggaraan

Objektif: Untuk menyelenggara kemudahan-kemudahan awam yang sedia ada supaya sentiasa dapat digunakan dalam keadaan sempurna dan selamat.

- a) Penyelenggaraan bangunan-bangunan kepunyaan Majlis Daerah; dan
- b) Penyelenggaraan dan pembaikan Lampu-lampu jalan, Jalnaraaya Taman perumahan, Tapak pelupusan sampah, Perparitan, Kawasan-kawasan lapang awam dan Sistem Pemetung Najis.

## 7.2 Program Perkhidmatan

### 7.2.1 Perolehan perlatan pengendalian perkhidmatan

Objektif: Untuk menyediakan peralatan yang cukup ,cekap dan Cepat.

- a) Pembelian peralatan (Tools) dan jentera yang baru;
- b) Menggantikan peralatan dan jentera dengan model yang moden / canggih; dan
- c) Menyelenggara peralatan dan jentera yang sedia ada.

### 7.2.2 Penggunaan Teknologi Maklumat

Objektif : Untuk mempercepat dan memudahkan penyampaian dan penerimaan dalam proses kerja.

- a) Pembelian komputer atau alat-alat sokongan untuk kerja-kerja pengurusan perakaunan dan pentadbiran; dan
- b) Memberi latihan tenaga kerja menggunakan kemudahan teknologi maklumat.